

30/03/2001

Shahrizat sediakan perangkaan mohon peruntukan

KEMENTERIAN Pembangunan Keluarga dan Wanita sedang menyiapkan perangkaan bagi memohon peruntukan dari Perbendaharaan, kata Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Ketika menggulung perbahasan peringkat kementeriannya, Shahrizat berkata, hingga kini kementeriannya menggunakan peruntukan Lembaga Penggalakkan Penduduk dan Keluarga (LPPKN) serta Hal Ehwal Wanita (Hawa).

"Buat masa ini, kementerian terpaksa menggunakan peruntukan LPPKN dan Hawa dalam menjalankan segala aktiviti berkaitan, " katanya.

Mengenai pelantikan Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimennya, Shahrizat berkata, beliau juga sedang menyiapkan laporan berkenaan sebelum dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, kementerian yang baru ditubuhkan itu akan terus memberi keutamaan kepada isu wanita terutama ibu tunggal, pelacuran dan sumbang mahram.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kerja Raya Mohammed Khaled Noordin ketika menggulung perbahasan bagi kementeriannya berkata, Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) sedang menjalankan kajian secara terperinci mengenai cadangan melebarkan Lebuhraya Senawang/Seremban.

(END)